

4th Issue **VOLUME 1 : JULY 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN



Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 1 | July 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 63** Creative Writing
- 67** Congratulations!
- 74** Thank You
- 75** Happy Retirement!
- 76** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 July 2025

Kerjasama Unit Komunikasi Korporat dan Unit Misi Akademik Dalam Usaha Mempromosikan UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah

Penulis: Mohd Shafik Mohd Samsi, Nuranissa Mercy Punai, dan Siti Faridah Kamaruddin

Satu Bengkel Unit Promosi dan Misi Akademik, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah diadakan pada 20 Mei 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah. Bengkel yang dipengerusikan oleh Dr. Abdul Jabbar bin Abdullah, Penolong Rektor UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah ini bertujuan untuk membincangkan strategi bagi meningkatkan bilangan pengambilan pelajar di kampus ini. Ianya juga diadakan sebagai salah satu inisiatif di bawah Jawatankuasa Pelaksana Khas Rektor bagi menyelaraskan struktur organisasi dan perancangan strategik Unit Promosi dan Misi Akademik UiTM Cawangan Sarawak. Semasa ucapan pembukaan bengkel, Dr. Abdul Jabbar bin Abdullah mencadangkan agar semua staf tanpa mengira jawatan untuk bekerjasama dengan melibatkan diri dalam menjayakan misi akademik dan memahami peranan utama sebagai petugas misi akademik bagi mempromosikan UiTM Kampus Mukah khususnya.

Turut hadir di dalam bengkel ini ialah En. Yaziz bin Kasim, selaku Koordinator Unit Komunikasi Korporat (UKK), UiTM Cawangan Sarawak. Beliau telah membentangkan struktur organisasi UKK dan terdapat satu unit yang baharu iaitu Unit Misi Akademik dan Promosi yang diketuai oleh Ts. Dr. Shamsiah binti Sahmat, telah diletakkan di bawah UKK. En Yaziz juga telah mencadangkan agar penggunaan media sosial seperti *Facebook* dan *Tiktok* yang lebih aktif dalam memberi maklumat mengenai aktiviti yang melibatkan pelajar dan juga staf bagi keterlihatan kampus ini.

Selain itu, "Projek Khas Penolong Rektor UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah" iaitu program yang berkaitan dengan mempromosikan UiTM Kampus Mukah di beberapa lokasi luar bandar sekitar negeri Sarawak juga telah dibincangkan dalam bengkel ini. Perbincangan mengenai projek khas tersebut telah diketuai oleh Ts. Dr. Shamsiah binti Sahmat. Projek ini dicadangkan untuk dijalankan pada awal bulan Oktober 2025 dan antara kawasan yang menjadi tumpuan adalah Saratok, Bintarong, Kapit, Belaga, dan juga Marudi.

Semasa sesi penutupan, Dr. Abdul Jabbar bin Abdullah berharap agar segala program yang dibincangkan di dalam bengkel ini dapat dijalankan dan merancang promosi secara sistematik bagi meningkatkan lagi jumlah kemasukan pelajar bagi program-program yang ditawarkan oleh UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah.

